

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

KONSEP TAUHID DALAM AKIDAH ISLAM

PENDAHULUAN

Aqidah Islam semenjak awal-awal lagi merupakan seruan kepada tauhid (mengesakan Allah). Rasulullah s.a.w telah berjuang dalam mempertahankan asas-asas aqidah dalam jiwa para pengikutnya. Rasulullah s.a.w melakukan ini bukanlah berdasarkan pemikirannya tetapi menyahut wahyu Allah dan memenuhi kehendak ayat-ayat suci al-Quran yang keseluruhannya berlandaskan kalimah tauhid "la 'ilā ha 'illāllah" (لا إلَهَ إِلَّا اللَّهُ) . Ia merupakan kalimah iklas yang pertama diucapkan oleh seseorang yang menganut Islam. Justeru itu boleh disimpulkan bahawa "mentauhidkan Allah" ialah asas kepada akidah yang satu.

Firman Allah:

شَرَعْ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ تُوحِّدُوا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكُمْ وَمَا وَصَّيْنَا
بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تُمْرِنُوا فِيهِ كَبُرُّ عَلَى

الْمُشْرِكِينَ مَا أَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُجُنْسِيَّيِّ إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ

١ من يُنِيبُ

Terjemahan: "Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang ia tetapkan hukum nya -perkara yang ia telah perintahkan kepada Nabi Nuh, dan yang telah kami wahyukan kepada mu (wahai Muhammad), dan juga yang telah kami perintahkan Dia kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu " Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah-belah atau berselisihan pada dasarnya". Berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama Tauhid) yang engkau seru mereka kepadanya . Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendaki untuk menerima agama Allah tauhid itu, dan memberi hidayah petunjuk kepada agamanya itu sesiapa yang rujuk kembali kepadanya (dengan taat - patuh)"

Apabila kita memperkatakan soal tauhid, ia tidak boleh lari dari perbincangan mengenai tauhid *al-ulūhiyyah*, tauhid *al-rubūbiyyah* serta tauhid *al-asmā'* dan *al-sifāt*. Semua perkara yang berkaitan dengan tauhid akan dibincangkan dalam bab ini.

¹Surah al-Shura: 13

Dalam perkara lain pula, sebagai *al-Din* yang berperanan untuk mengukuhkan keyakinan manusia kepada agama, justeru itu, akidah menjadi asas utama untuk mengukuhkan keyakinan manusia kepada beragama Islam selaku agama yang sesuai dengan fitrah manusia perlu dipandu oleh akidah, agar mereka benar-benar menjadi seorang insan *kāmil* yang berasaskan akidah, kerana dengan akidahlah seseorang manusia tadi menjadi orang yang beriman dan Islam.

Oleh itu, matlamat utama bagi semua rasul terdahulu ialah tauhid. Al-Quran sangat terang dan jelas dalam menjelaskan maksud dan matlamat ini. Firman Allah s.w.t:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا تُوحِّي إِلَى قَوْمٍ بِإِبْرَاهِيمَ لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ أَنَّ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهُ

إِبْرَاهِيمَ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمَ الْآيَمِ².

Terjemahan: "Dan demi sesungguhnya Kami telah utuskan Nabi Nuh lalu ia memberitahu kamunya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ini seorang Rasul pemberi amaran yang nyata kepada kamu". "Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah : Sesungguhnya aku bimbang (jika kamu menyembah yang lainnya), kamu akan ditimpah azab yang tidak terperi sakitnya pada hari pembalasan"

² Surah Hūd: 25.

Dan:

وَإِلَى عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَأْقُومٌ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ .³

Terjemahan: "Dan kepada kaum ^cAad , (kami utuskan) saudara mereka Nabi Hud ia berkata:"Wahai sekalian kaum , sembahlah Allah tidak ada bagi kamu Tuhan selain daripada-Nya"

وَإِلَى مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شَعَّابًا قَالَ يَأْقُومٌ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ...⁴

Terjemahan: "Dan kepada Madyan (kami utuskan) dari mereka Shu aib ia berkata:"Wahai kaumku sembahlah kamu akan Allah tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya"

Al-Quran dengan ini menegaskan bahawa semua rasul datang memperkenalkan aqidah ini dan berjuang menegaskannya. Oleh itu ia mutlak dan umum di mana menjadi risalah sekelian rasul yang diutuskan.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهٌ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ⁵

³ Surah al-^cRâf': 65.

⁴ Surah al-^cRâf': 85.

⁵ Surah al-Anbiyâ': 25.

Terjemahan: "Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelum daripada kamu akan Rasul kecuali Kami mewahyukan kepadaanya bahawa tidak ada Tuhan kecuali Aku maka sembahlah Aku"

Kesatuan atau **wahdah** sangat ditekankan oleh Islam. Ini boleh dilihat dalam al-Quran di mana Allah menyebut perkataan "Ummah" sebagaimana firmanNya:

وَكَذِلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ
عَلَيْكُمْ شَهِيدًا⁶

Terjemahan: "Dan demikianlah Kami telah jadikan kamu satu ummat yang adil (wasaṭa) supaya kamu dapat menjadi saksi-saksi ke atas manusia sekalian dan rasul itu adalah saksi ke atas kamu"

Di sini ummah bermaksud satu umat bukan umat-umat dan justeru itu dapatlah difahami betapa kesatuan ini sangat dituntut oleh Islam iaitu "Satu kesatuan umat Islam yang bersatu padu".

⁶ Surah al-Baqarah: 143.

Justeru itu tauhid sentiasa menanggapi seluruh aspek dalam risalah Islam. Adalah tidak diragui bahawa kesatuan aqidah dan kesatuan akhlak merupakan dua faktor terpenting yang memuatkan umat Islam ke dalam satu bentuk kesatuan yang menyeluruh berdasarkan Hadis:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ
⁷

Terjemahan: "Seorang muslim adalah saudara muslim yang lain "

إِنَّ الْمُؤْمِنَ الْمُؤْمِنَ كَالْبَيْتَانِ يَشْدُدُ بَعْضُهُ بَعْضًا
⁸

Terjemahan: "Seorang Mukmin bagi Mukmin yang lain
bagaikan satu binaan yang saling ikat mengikat antara
satu dengan lain"

Manusia tidak perlu bersusah payah dan berkorban tenaga untuk berusaha memastikan bahawa agama Islam merupakan agama Tauhid dan agama kesatuan. Begitu juga mereka tidak perlu bersusah payah untuk memastikan bahawa Islam

⁷ *Sahih Muslim*, Kitab al-Bir Wa al-Silah Wa al-Adab, hadis no. 4650 dan no. 4677, juz. 15, jil. 9, m.s 120-121

⁸ *Sahih al-Bukhārī*, Kitab al-Adab wa al-Silah, hadis no. 459, bab Ta'awun al-Mu'minīn Ba'duhum Ba'dan, jil. 10, juz. 10, m.s 459-450 .

tidak menyediakan ruang dan tempat untuk perbalahan, persengkitaan, percanggahan, perpecahan dan segala macam kekhilafan.⁹

Tetapi umat Islam tetap berselisih dan berpecah belah. Kita sekarang tidaklah bermaksud untuk berbincang tentang sebab berlakunya perselisihan dan perpecahan di kalangan umat Islam secara panjang lebar, tetapi apa yang kajian ini maksudkan ialah perbicaraan mengenai kesatuan aqidah dan punca-punca yang berlatarbelakangkan sejarah silam di mana boleh dikira sebagai faktor yang telah dan akan meruntuhkan asas yang telah lama dibina dan diperteguhkan oleh Rasulullah s.a.w.

Rasulullah s.a.w dan sahabat Baginda, Abu Bakar dan ^cOmar direldai Allah kedua-duanya telah mengambarkan umat Islam dengan gambaran yang sangat menarik menurut gagasan al-Quran. Allah berfirman:

¹⁰ إِنَّ هَذِهِ أُمَّةٌ مُّكْفِرٌ بِأَنَّهُ وَاحِدٌ وَلَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُنَّ

Terjemahan: "Sesungguhnya ini adalah umat kamu, umat yang satu dan Aku Tuhan kamu maka sembahlah Aku"

⁹ Abdul Halim Mahmud, *al-Islām Wa al-^cAql*, (Kaherah: Dar al-Ma^carif, t.tkh), m.s 117.

¹⁰ Surah al-Anbiyā': 92.

وَلَمَّا هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةٌ وَاحِدَةٌ وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ¹¹

Terjemahan: "Sesungguhnya ini umat kamu adalah umat yang satu dan Aku Tuhanmu maka bertaqwalah kepadaKu"

Ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis-hadis Nabi yang mulia sememangnya banyak sekali mengutarakan gagasan-gagasan ke arah penghayatan secara panjang lebar. Pendekatan wajar yang perlu dikemukakan sekarang ialah menjelaskan maksud ayat-ayat yang samar. Kita perlu menjelaskan mana yang menurut ajaran Allah dan Rasul dan mana yang dikira bidaah dan yang diada-adakan. Di samping itu kita juga wajar mengajarkan bagaimana cara beriltizam dengan Allah dan sama-sama mendukungnya dengan penuh kesatuan dan perpaduan. Dan Allah jua yang memberi taufik.

1.1 KEPENTINGAN AKIDAH DALAM ISLAM

Akidah merupakan kepercayaan yang terikat erat dan tersimpul kukuh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan tercerai atau terhurai¹²

¹¹Surah al-Mukminūn: 52

¹² Mahmud Shaltūt, *al-Islām c Akīdah Wa Shari c ah*, cet. 2, (Dar al-Qalam: 1966),m.s12.

Dengan pengenalan itu jelas kepada kita betapa pentingnya akidah dalam kehidupan Manusia , kerana ia menentukan sama ada akidahnya kuat atau lemah. Ini bergantung kepada iktikadnya benar-benar kepada Allah yang merangkumi ilmuNya, kekuasaanNya, kepercayaan tentang mati dan hidup dan balasanNya terhadap kebaikan yang diusahakannya sendiri bukan secara paksaan. Begitu juga iktikadnya terhadap kewajipan taat kepada apa yang disampaikan oleh para rasul dan nabi sama ada berbentuk suruhan dan larangan, setelah keimanan bertapak di dalam jiwa manusia akan tertanam perasaan yang mulia pada dirinya, akhlaknya melengkapkannya dan mengatur hubungannya antara makhluk dan kehidupan dengan baik.¹³

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa akidah secara umum ialah kepercayaan yang terikat kuat atau tersimpul kukuh dalam jiwa. Ini tidak bererti bahawa setiap akidah mempunyai nilai kekuatan atau kekuahan yang sama. Oleh kerana akidah itu mempunyai berbagai corak, akidah sesat, akidah yang batil, akidah yang khayalan dan sangkaan, dan juga akidah yang benar lagi haq. Nilai kekuatan akidah bergantung kepada nilai kekuatan ciri-ciri akidah itu.

¹³ Al-Jazā'eri, Abu Bakr Jābir, *Akīdah al-Mū'min*, cet. 3, (Jeddah: 1982M-1402H), m.s 23.

Daripada penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa akidah yang benar-benar menepati dengan pengertian dan konsepnya yang sebenar ialah akidah Islam yang berteraskan kepada keimanan kepada Allah dan konsepsinya yang sebenar seperti yang diterangkan oleh Allah dalam al-Quran.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ¹⁴

Terjemahan: "Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu , supaya kamu (menjadi orang-orang yang bertaqwa"

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ طِينٍ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ
ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَّةً فَخَلَقْنَا الْعَلَّةَ مُضْعَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْعَةَ عِظَامًا
فَكَسَوْتَا الْعِظَامَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْحَالَاتِ¹⁵

Terjemahan: "Dan sesungguhnya kami telah menciptaka manusia dari pati (berasal) dari tanah. Kemudian kami jadikan "pati" itu air benih pada tempat penepatan yang teguh kukuh. Kemudian kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku ; lalu kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging;kemudian kami ciptakan daging menjadi beberapa tulang ; kemudian kami balut tulang - tulang itu dengan daging . Setelah sempurna

¹⁴Surah al-Baqarah: 21.

¹⁵Surah al-Mukminün :12-14.

kejadian itu , kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya . Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik pencipta"

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَتَقُوا رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نُفُسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهَا رِجَالًا كَثِيرًا وَسَاءً...¹⁶

Terjemahan: "Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa) , dan yang membiakkan dari kedua-duanya - zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai"

Dari kenyataan ayat-ayat al-Quran itu, jelaslah bahawa Allah Maha Berkuasa dari segala-galanya, al-Quran menguatkan lagi kebenaran itu dengan menarik perhatian manusia supaya melihat dan memikirkan kebenaran hujjah-hujjah itu, sama ada yang berhubung dengan alam semesta, fitrah semulajadi,

kehidupan, makhluk dan ciptaan Allah. Semuanya menguatkan kepada kita betapa pentingnya al-Quran diturunkan kepada manusia yang membawa segala pengetahuan yang mampu menolongnya untuk mencapai sesuatu ilmu yang digambarkan dalam al-Quran.¹⁷

¹⁶Surah al-Nisâ': 1.

¹⁷Şâbir Tuaimah, Dr. *al-Islâm: Yaqînâ Lâ Talqînâ*, (Beirut: Dar al-Jâl, t.tkh), m.s78

kehidupan, makhluk dan ciptaan Allah. Semuanya menguatkan kepada kita betapa pentingnya al-Quran diturunkan kepada manusia yang membawa segala pengetahuan yang mampu menolongnya untuk mencapai sesuatu ilmu yang digambarkan dalam al-Quran.¹⁷

Memandangkan akidah Islam mempunyai keistimewaan dari akidah-akidah yang lain, maka ia mudah disamping ajaran-ajarannya yang jelas dan tidak kabur, dengan itu, akidah Islam telah menarik ramai orang untuk menganutinya. Semuanya telah diatur dan disusun dengan begitu indah sekali oleh pencipta alam ini iaitu Tuhan yang satu yang mempunyai kekuasaan, tidak ada sekutu baginya, tidak ada yang menyerupainya dan tidak ada penolong atau anak,¹⁸ seperti firman Allah Taala:

وَقَالُوا اتَّحَدَ اللَّهُ وَكَذَّا سُبْحَانَهُ بِلْ لَمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
كُلُّ لَهُ قَازِّونَ¹⁹

Terjemahan: "Dan mereka berkata Allah mempunyai anak Bahkan Dialah yang memiliki segala yang ada di langit dan bumi , semuanya itu tunduk di bawah kekuasaannya"

¹⁷Şâbir Tuaimah, Dr. *al-Islâm: Yaqînâ Lâ Talqînâ*, (Beirut: Dar al-Jâl, t.tkh), m.s.78

¹⁸al-Qarâdjâwi, Yusuf, Dr. *al-Îmân Wa al-Hayâh*, cet. 7, (Mesir: Maktabah Wahbah, 1980M-1401H), m.s.37.

¹⁹ Surah al-Baqarah: 116.

membantu mereka untuk menjalin perpaduan sesama manusia di sebalik kepincangan dalam ummah agar kembali kepada punca yang satu.

Dalam akidah tauhid tidak terdapat akidah-akidah *tathlith* atau *mathnawīyyah* atau lain-lain yang membawa kesamaran dalam akidah.

1.1.1 Definisi Akidah

Pertama: Dari sudut bahasa:

Perkataan *aqidah* itu berasal daripada *al-aqd* yang membawa erti ikatan yang kuat dan kukuh, tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain. Ia juga digunakan sebagai makna perjanjian dan menguatkan sumpah dan maksud yang lain pula ialah jualbeli: iaitu menunjukkan *aqad* jualbeli penjual dan pembeli yang dilakukan kebiasaannya seperti mengaqad pada kedua-dua penjuru baju atau kain untuk menunjukkan maksud *aqad* yang sebenar iaitu mengikat dengan erat dan kukuh.²⁰

Kedua: Dari sudut istilah umum:

Aqidah dari sudut istilah umum digunakan untuk menentukan

²⁰ Ibn Faris, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, jil: 4, m.s 86-90, subjek *aqada*. Lisan al-'Arab, Jil: 3, m.s 296-300. al-Kāmūs al-Muhiṭ, m.s 383-384

hukum menerusi minda bergantung kepada kepastiannya sama ada ia benar atau salah. Jika hukum akal sudah menentukan kepastiannya itu benar maka aqidah itu benar, contoh seperti kepercayaan orang Islam terhadap keesaan Allah. Adapun jika ia menghukumnya salah maka ia tetap salah seperti kepercayaan orang Nasrani bahawa Allah ialah salah satu dari tiga tuhan.

Ia juga digunakan untuk menunjukkan keimanan yang telus,dan benar-benar yakin dan pasti dan tidak ada keraguan kepadanya. Sebagaimana manusia beriman dengannya, mengikat janji setia dalam hatinya untuk taat setia kepada satu mazhab, satu agama yang dianutinya setelah diteliti dan dikaji kebenarannya.²¹

1.1.2 Ciri-Ciri Akidah

Akidah dengan pengertian dan kedudukannya seperti dijelaskan tadi mengandungi ciri-ciri atau rukun-rukunnya yang menjadi pokok asasi. Enam rukun iman²² seperti yang diakui umum oleh umat Islam zaman berzaman melalui hadis

²¹ Násir al-‘Aql, *Mabāhit fī ‘Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamāh*, m.s 9

²² Lihat Bukhārī, *al-Imān*, Jil. 1, m.s 18, Muslim, *al-Imān*, Bil. 9, Jil. 1, m.s 39.

Rasulullah s.a.w. Beriman pada Allah adalah jalan yang paling selamat bagi manusia, kerana pilihan yang tepat ini bergantung kepada kedudukan akal sebagai menghormati pemberian Allah kepada manusia. Penerimaan akal pada hukum-hukum Allah yang dikaitkan kepada sesuatu sama ada positif atau negatif bergantung kepada hukum yang terang dan lagi jelas mengenai kewujudan Allah Azzawajalla, kewajipan mengenal Allah, taat, mendekatinya, mengambil hidayahnya serta mengikut jalan para wali yang termasuk dari golongan orang-orang yang saleh.²³

Kajian ini membahagikan ciri-ciri akidah kepada lima perkara:

Pertama: *al Tauqifiyyah*

Ialah akidah yang diterima oleh Nabi s.a.w berdasarkan wahyu, dan ia tidak perlu ditokok tambah atau dikurangkan atau diubah, kerana ia merupakan akidah Islam yang sejati dan sempurna.

Ciri akidah Islam ini dapat membezakan cirri-ciri akidah yang lain di antaranya kepercayaan kepada berhala yang lahir daripada hayalan yang bukan reality. Sebagaimana ia membezakan daripada akidah-akidah samawi yang kemudian telah bertukar tangan melalui pengikut-pengikutnya, dan

²³ *al-Jazā'irī, op.cit, ms.33*

mereka menukuk tambah, membuang dan mengubahnya mengikut kepercayaan yang dianutinya.²⁴

بِئْكَ لَا تَهْدِي مِنْ أَخْيَّرَتْ وَلَكِنَّ اللَّهُ يَهْدِي مِنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ²⁵

Terjemahan: *Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak Berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasih , tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakki, dan Dialah jualah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

Kajian ini mendapati bahawa ciri ini mempunyai keistimewaan yang luar biasa dalam memelihara dan melindungi umat Islam daripada tergelincir ke dalam jurang kesesatan dan kesalahan, dan rapuh fahaman akidahnya. Oleh itu, ia perlu kembali kepada asas punca yang kukuh yang tidak boleh ditembusi mana-mana kebatilah masa kini dan akan datang. Asas itu tak lain dan tak bukan ialah wahyu Allah Taala (al-Quran) yang terpelihara dari segala kekurangan.

²⁴ Damiriyah, C'othman Jum'C'ah, *Madkhali Dirasah al-C'aqidah al-Islamiyyah*, cet. 1. (Jeddah: Maktabah al-Sawadi, 1414H/1993M), m.s 383

²⁵ Surah al Qaṣāṣ: 56

ia juga merupakan pelindung kepada perpaduan ummah yang mengamalkan manhaj yang sama, tasawwura yang sama ketika menjalankan tanggungjawab mereka terhadap Allah Taala dengan rela hati, jujur dan yakin.

Kedua: *al Ghaibiyah* (perkara ghaib)

Ciri ini menerangkan akidah Islam dalam rukun iman yang mendariskan panduan yang sebenar keimanan yang tidak perlu tunduk kepada perkara yang dapat dirasa secara langsung atau secara tidak langsung, sebaliknya ia berada di alam ghaib iaitu alam yang tidak dapat dilihat menerusi deria dan tidak dapat diterokai oleh akal.

Beriman dengan Allah S.W.T ialah salah satu tanda keimanan dengan perkara ghaib, kerana dhat Allah merupakan sesuatu yang ghaib. Begitu juga beriman dengan hari akhirat dan yang berkaitan dengannya, beriman dengan malaikat, beriman dengan qadar... semua itu adalah perkara ghaib yang wajib dipercayai oleh orang mukmin yang telah diberikan hidayah.²⁶

²⁶ Ibid: m.s 385-386

Beriman pada perkara ghaib adalah salah satu ciri-ciri semulajadi manusia yang mana ia dan haiwan-haiwan lain berkongsi mengenal pasti perkara-perkara yang nyata. Bahkan untuk mengetahui perkara yang tidak diketahui dan menyelidik mengnainya adalah sifat fitrah manusia yang ingin mengambarkan keinginannya sikap ingin tahu.²⁷

Mengikut perspektif ghaib yang sebenar telah dijelaskan di dalam al-Quran, firman Allah Taala:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لِرَبِّ فِيهِ هُدًىٰ لِّلْمُعْقِنِينَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ²⁸

Terjemahan: *Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak Padanya, ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang Bertaqwa. Iaitu orang – orang yang beriman kepada Perkara-perkara yang ghaib.*

²⁷ al Barikān, Ibrahim bin Muhammad, Dr. *al-Madkhāl li Dirasah al-‘aqidah al-‘Ialamiyyah ‘ala Mazhab Ahl al-Sunnah Wa al-Jama‘ah*. (al-Khabr: Dar al-Sunnah li Nash wa al-Tauzi‘, 1413H/1992M), m.s 55

²⁸ Surah al-Baqarah: 2-3

Ciri akidah yang disebutkan itu dapat membezakannya dengan aliran-aliran berfikiran materialistic yang menolak secara total perkara ghaib apa lagi untuk beriman kepadanya melainkan ia berlaku dengan nyata, dan tunduk kepada ujikaji yang jelas. Pendapat ini lahir daripada aliran yang berpegang kepada hokum tajribi yang telah diasaskan oleh "Hiom" seorang ahli falsafah, begitu juga pendapat "Mark Muler" yang berpendapat bahawa sesuatu tidak akan tercapai dalam akidah manusia selagi tiada apa yang datang dengan jelas menerusi jalan yang nyata.

Keistimewaan ciri akidah ini juga menempakkan kesan yang paling besar dalam kehidupan manusia, ini dapat dilihat bagaimana manusia boleh diangkat tarafnya setanding dengan kemanusiaannya disebabkan keimanannya kepada perkara ghaib. Yang paling istimewa bagi manusia, mereka dibezakan dengan makhluk-makhluk yang lain yang tidak dapat meneroka apa yang diketahuinya melainkan dengan cara yang nyata. Ini yang dikatakan jalan kemajuan ilmu yang perlu kepada pengamatan dan penyelidikan. Dalam skop ini dapatlah direnongi, apa yang telah Allah Taala isi di dalam diri seorang mukmin ialah keselamatan yang tidak dapat ditembusi apa-apa kesangsian, terutama ketika

merasai bahawa Allah senantiasa melihat ke atasnya- sesunguhnya Allah Taala mengetahui perkara yang tersirat- ia menyambah Allah seolah-olah ia nampak Allah, ini yang membawa keimannya semakin meningkat kepada tingkatan “Ihsan”.²⁹

Kajian ini mendapati bahawa hukum agama adalah pilihan yang tepat dan terbaik untuk mencapai kebahagian hidup manusia sebagai seorang mukmin yang menanamkan dalam dirinya nilai akhlak yang baik, amalan ini tidak pernah wujud dalam aliran-aliran dan perundangan manusia yang gagal melaksanakan semua perkara.

Ketiga: *al-Shumūl* (menyeluruh):

Ciri akidah ini merupakan yang paling ketara sekali dalam Islam, kerana Islam adalah agama samawi yang mendapat keredaan Allah S.W.T. Islam ialaj agama shumul dan sempurna yang tidak pernah mengabaikan cara hidup sama ada individu atau masyarakat, bahkan ia telah menyusun garis panduan yang lengkap dari semua aspek kehidupan.³⁰

²⁹ Ḥamīriyyah, Ḫothman Jumāh, *Madkhāl li Dirasah al-aqidah al-Islamiyyah*, m.s 388

³⁰ Ibid: m.s 388

Oleh itu akidah Islam seolah-olah mempunyai kesan yang mendalam dari keshumulannya itu. Akidah yang sempurna yang berasaskan rukun-rukun iman dan tatacaranya yang luas di samping pengamatan yang mendalam terhadap kejadian di muka bumi ini mampu untuk mengenal Allah Taala dengan lebih dekat dengan memerhatikan segala ciptaannya, kehidupan di alam maya ini juga diri manusia sendiri, maka segalanya itu dapat menjawab persoalan tentang akidah Islam ialah agama yang benar dan shumul.

Sebagaimana diterangkan di dalam al-Quran:

وَهُوَ الَّذِي فِي السَّمَاوَاتِ إِلَهٌ وَفِي الْأَرْضِ إِلَهٌ³¹

Terjemahan: *Dan Allah jualah Tuhan yang berhak disembah Di langit, dan Dialah Tuhan yang berhak disembah di bumi.*

Keempat: *al Takāmul* (kesempurnaan yang menyeluruh):

Walaupun agama Islam telah sampai ke kemuncak yang paling sempurna, lengkap dan shumul, akantetapi akidah ini merupakan akidah yang mempunyai ciri-ciri yang paling sempurna iaitu akidah Islam ialah akidah yang sempurna dan menyempurnakan yang lain,

³¹ Surah al-Zuhraf: 84

ia menyatu padukan semua bahagian-bahagiannya supaya menjadi teguh, kuat dan seimbang.

Sebagaimana contoh yang dikaitkan dengan ciri ini ialah hubungkait antara akidah dan hukum-hukum ibadat, muamalat dan semua hukum syarak samaada amali dan khuluqi. Semua hukum syariaah disatukan dengan hukum akhlak yang lahir dari keimanan, ketaqwaan kepada Allah Taala.³²

Kelima: *al-Tawâzûn* (keseimbangan):

Setelah dibincangkan tentang kesempurnaan akidah dan keshumulannya, terdapat satu lagi ciri yang lain dalam akidah Islam. Ciri ini mempunyai hubungkait dengan salah satu keistimewaan agama Islam yang paling penting iaitu *wasâlatiyyah* (kesederhanaan) dan bersikap adil, ia merupakan ciri akidah yang dapat mengimbangi antara perkara-perkara yang bercanggah, yang mana ia dapat meletakkan satu perkara mengikut keadaan yang tertentu dengan bersikap adil mengikut jalan yang ditetapkan oleh Allah Taala, kerana peraturan Allah lebih tepat dalam menyelesaikan

³² Ibid: 391

segala aspek kehidupan dan nilai-nilainya seperti harta, kenikmatan, kerja, akal, pengetahuan, kekuatan, ibadat, karabat, perkauman dan kemanusiaan. Islam menjadikan semuanya itu seiring dengan peraturan kehidupan dan nisbah yang tertentu yang tidak boleh melebihi batas hingga tidak mampu untuk melemahkan sesuatu nilai ke atas nilai yang lain.

Adapun ciri ini membezakan agama Islam dengan semua agama dan aliran-aliran keseluruhannya, di mana ia memperhebatkan tinjawan dan perhatian dari semua sudut yang berbeza-beza, sama ada ia baru bermula dan sama ada ia respon atau memperbaiki kesilapan lalu.

Ciri ini juga mempunyai kesan yang amat besar untuk melindungi umat ini dari segala kekejaman, penindasan dan kezaliman, serta memihak kepada fahaman-fahaman yang tidak sehat dan kesilapan-kesilapan yang menyebabkan mereka terpesong daripada tempat yang sepatutnya.³³

³³ Ibid: 392

1.1.3 Keistimewaan Akidah Islam

Akidah yang mempunyai pengertian dari sudut Islam membawa makna kepercayaan yang tersimpul dengan erat, kukuh dan teguh dalam jiwa yang tidak akan terhurai dan tercerai walau dalam apapun keadaan dan suasana, ini telah dijelaskan sebelumnya dengan panjang lebar. Secara keseluuhannya, akidah ini merupakan ikatan maknawi yang kukuh dan teguh yang menghubungkan antara manusia dengan hakikat-hakikat teragung *al-muthul al-a'fālā*. Kekuatan dan keteguhan simpulan akidah dalam jiwa ini ialah kerana ketetapan dengan *al-muthul al-a'fālā* yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan insan.

Akidah sedemikian akan menjelma sebagai suatu paling bernilai dan berharga. Lebih dari segala-galanya sehingga melebihi diri sendiri. Bahkan akidah itu telah menjelma sebagai sebahagian dari dirinya yang paling bernilai, bersifat quodus dan suci, menjadi suatu perkara yang paling sensitive sekali, sehingga tidak boleh tersentuh oleh sesuatu yang boleh merendahkan kedudukannya.

Akidah Islam melambangkan iltizam seorang Islam dalam tatacara hidupnya yang banyak membantu masyarakat Islam menyelesaikan masalah yang dihadapinya menerusi hidayah dan pertolongannya. Ini perlu dilihat dari konsepinya yang sebenar mensucikan jiwa dari segala gejala-gejala yang tidak

sihat seperti fahaman khurafat, wahm dan ajaran sesat. Dengan kekuatan dalam itu dapat mengeratkan lagi perpaduan persaudaraan sesama insan. Islam merupakan ubat bagi segala penyakit yang mana ia mampu mengubati penyakit sosial yang amat berbahaya, sebagai contoh Saidina Abu Bakr, ^cOmar, ^cOthman dan ^cAli, mereka mengaku bersaudara dengan hamba-hamba Islam seperti Salman al-Fārisī, Bilāl al-Habshī dan Şuhaib al-Rūmī.³⁴

Dalam hal ini tidak ada suatu kuasa yang terdaya untuk memaksa selain dari kekuasaan Allah sendiri. Demikianlah juga contoh keteguhan dan kekuahan akidah yang sungguh mengagumkan sehingga tidak terdaya dicatat oleh bahasa, iaitu contoh yang dikemukakan oleh Sumaiyyah r.a isteri Yasir r.a yang sanggup disula hanya semata-mata kerana akidahnya.

Akidah yang dihubungkan dengan agama mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada akidah yang lain. Akidah Islam khususnya mempunyai keistimewaan yang tidak dipunyai oleh akidah dalam agama lain.

³⁴ Šābir Tuaimah, Dr. *op.cit*, m.s 181.

1.2 PENGERTIAN TAUHID

³⁵ wahada, yang umumnya bererti keesaan dan menolak berbilang-bilang.

Dari sudut syarak pula, tauhid iaitu menolak segala bentuk persamaan pada zat Allah, sifatNya dan perbuatanNya.³⁶ Dengan perkataan lain menolak perbuatan syirik terhadap Allah, sebagaimana firman Allah Taala mengenai keesaanNya:

37 قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Terjemahan: "Katakanlah (wahai Muhammad) Allah itu satu"

Firman Allah Taala mengenai penafian syirik dalam *al rubūbīyyah*:

قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلْ اللَّهُ ...

Terjemahan: "Bertanyalah (wahai Muhammad): "Siapakah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan langit dan bumi?" Jawablah Allah"

³⁵ Al-Jazā'irī, *op.cit.*, m s 87.

³⁶*Ibid.* m.s 87.

37 Surah al-Ikhlas: 1.

³⁸Surah al-Ra^cd: 16.

Dan firmannya lagi:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمْنٌ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ
وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيْتِ وَيُخْرِجُ الْمَيْتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَنْ يُدْبِرُ
الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقْلٌ أَفَا ؟ سَعُونَ³⁹

Terjemahan: "Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik) :"Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati , dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam"(dengan pertanyaan tersebut)maka mereka yang musyrik itu tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata : "Allah jualah yang menguasai segala -galanya! " oleh itu, katakanlah: "(Jika kamu mengakui -yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertaqwa?"

Firman Allah mengenai penafian syirik dalam ibadah:

³⁹ Surah Yunus: 31.

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ...⁴⁰

Terjemahan: "Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuan dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah melainkan Allah)"

Dan firmanNya lagi:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَسُكُونِي وَمَحْيَايِ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .
لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أَمْرُتُ وَإِنَّا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ⁴¹

Terjemahan: "Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir seketian alam. Tiada sekutu baginya, dan dengan yang demikian sahaja Aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama - (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya)"

Dari kitab *al-Fiqh al-Akhbar* menyebut tentang asas mengenal tauhid yang hak iaitu berpandukan riwayat dari Abu Hanifah r.a: Terdapat satu kaum dari ahli kalam ingin mengkaji bersamanya tentang cara bagaimana menetapkan tauhid *al rubūbīyyah*, maka beliau berkata kepada mereka: Beritahu kepadaku sebelum kita

⁴⁰ Surah Muhammad: 19.

⁴¹ Surah al-An'ām: 162-163.

membincangkan masalah ini. Sebuah kapal yang dipenuhi dengan muatan seperti makanan dan barang-barang lain pergi dan kembali dengan sendirinya dan berlabuh serta memunggah barang berlaku dengan sendiri, semuanya berlaku tanpa ada orang yang mengendalikannya. Mereka berkata: Ini mustahil, dan tidak boleh berlaku, dan beliau menjawab: Jika keadaan kapal itu mustahil bagaimana dengan alam ini seluruhnya sama ada di atas atau di bawah.⁴²

Menurut ^cAli Ibn Sultan Muhammad al-Qārī bahawa ilmu tauhid adalah asas kekuatan semua ilmu dan yang paling mulia berbanding ilmu-ilmu yang lain. Ini disebabkan ia perlu mengikut syarat yang telah ditetapkan iaitu tidak boleh terkeluar dari maksud al-Quran, hadis dan ijmak, begitu juga ia tidak boleh menyeleweng dari landasan yang telah ditetapkan. Sebagaimana ahli bid^cah yang mengutamakan akal dari sumber-sumber naqli yang telah diamalkan sejak dahulu oleh Ahlu al-Sunnah wa al-Jama^cah.⁴³ Ini berpandukan hadis yang diriwayatkan dari al-Tarmizi dan lain-lain:

وَلَنْ يَنْبُتِ إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقَتْ عَلَىٰ ثَنَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَةً وَتَفَرَّقَ أُمَّتِي عَلَىٰ
كَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَةٌ وَاحِدَةٌ قَالُوا وَمَنْ هِيَ

⁴²al-Kūfī, Abu Ijāmīd Hanīfah al-Nu'mān Ibn Thābit, *Shar al-Fiqh al-Akhbar*, ed. al-Malā ^cAli al-Qārī al-Hanafī, cet. 2, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah 1984H), m.s 14-15.

⁴³*Ibid.*: m.s 5.

يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِيٍّ .⁴⁴

Terjemahan: "Sesungguhnya kau Bani Israel telah berpecah kepada tujuh puluh dua golongan, dan umatku pula kepada tujuh puluh tiga golongan kesemuanya dalam neraka kecuali satu sahaja, maka mereka pun bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w: Siapakah golongan yang satu itu? Sabda Rasulullah s.a.w ialah yang aku dan para sahabatku berada di atasnya"

Dalam riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Mu^cawiyah r.a:

اِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ⁴⁵

Terjemahan: "Tujuh puluh dua dalam neraka dan satu sahaja masuk syurga iaitu al-Jama^cah"

⁴⁴ Hadis ini diriwayatkan oleh al-Hākim dalam kitabnya *al-Mustadrak* jil. 1, m.s 128-129, al-Mirwāzī dalam *al-Sunnah*, m.s 18. Ibn Waddah dalam kitabnya *al-Bida^c wa al-nahy*, m.s 80. al-Ajūri dalam kitabnya *al-Shari^cah*, m.s 15. al-Lālikā'ī dalam kitabnya *Sharh Usūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, jil. 1, m.s 90-100. al-Tarmidī hadis no. 2646 Kitāb al-Imān, bab Mā Jā'a Fī Iftirāq Hadhihi al-Ummah, juz 10, m.s 109-110.

⁴⁵ Hadis dikeluarkan oleh Abu Daud no. 4573. al-Dārimī 2/241. Ahmad 4/102 dan al-Hākim 1/218. Berkata al-Hāfiẓ Ibn Hajar: Isnadnya Hasan dan sebahagian daripada ulama al-hadis mengatakan Hadis Hasan Ṣāḥih. al-Albānī, *Silsilah al-Ahādīth al-Ṣāḥīhah Līl Albānī* no. 204.

Yang dimaksudkan dengan al-Jama^Cah dalam hadis tadi iaitu kumpulan yang paling ramai dari umat Muhammad s.a.w, mereka tidak menyimpang dari jalan yang sesat.

Dalam soal ini, Sufian r.a mengumpamakan seorang faqih yang berada di puncak gunung nescaya orang itu adalah al-Jama^Cah. Maksudnya selagi dia berpegang sebagaimana al-Jama^Cah maka seolah-olah dia adalah al-Jama^Cah,⁴⁶ sebagaimana firman Allah Taala:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً...⁴⁷

Terjemahan: "Sesungguhnya Nabi Ibrahim adalah merupakan "satu ummat"

Dengan penjelasan al-Quran dan hadis-hadis itu, dapat difahami bahawa konsep tauhid itu menekankan soal kepentingan pegangan, pengilmuan dan penghayatan terhadap *al rubūbiyyah*.

Hal kepentingan di atas, lebih utama lagi jika dapat dimengertikan al-Quran pada banyak tempat dengan pelbagai pendekatannya, menekankan secara sungguh-sungguh aspek yang berhubung dengan tauhid.

⁴⁶al-Kūfi, *op.cit*, m.s 6.

Hal kepentingan di atas, lebih utama lagi jika dapat dimengertikan al-Quran pada banyak tempat dengan pelbagai pendekatannya, menekankan secara sungguh-sungguh aspek yang berhubung dengan tauhid.

Ibn ^cAbbas pernah menyebut tentang perkara ini: Allah melindungi orang yang suka membaca al-Quran dan mengamalkannya supaya ia tidak sesat di dunia dan tidak mendapat azab di akhirat kelak.⁴⁸ Kemudian beliau membaca ayat ini:

فَمَنْ أَتَيْعَ هُدًىٰ يَلِمُّ وَلَا يَشْقَىٰ
⁴⁹

Terjemahan: "Maka sesiapa mengikuti petunjukku itu
Nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan
menderita azab sengsara"

Juga terdapat dalam hadis yang diriwayatkan al-Tarmidhi dan lain-lain dari ^cAli r.a berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesungguhnya ia akan menimbulkan fitnah". Aku pun bertanya: Adakah ada jalan keluar ya Rasulullah?, Baginda menjawab: "Kitab Allah yang telah menghabarkan kepada kamu sebelumnya dan memberitahu kepada kamu sesudahnya, dan kamu yang akan menghukumkannya: laitu penyelesaian yang benar. Sesiapa yang meninggalkannya ia akan mendapat

⁴⁸*Ibid*: m.s 6.

⁴⁹ Surah Taha: 123.

siksa dari Allah, dan sesiapa yang mengharap hidayah selain Allah, nescaya Allah akan menyesatkannya. Tali Allah amatlah kukuh kerana ia mengandungi ayat-ayatnya yang suci, jalan yang lurus yang tidak boleh digugat oleh hawa nafsu, tidak bercampur aduk dengan kepalsuan, tidak boleh dimusnahkan keajaipannya, para ulama tidak merasa puas membacanya. Oleh itu sesiapa yang berkata-kata dengannya akan berkata benar, sesiapa yang mengamalkannya akan mendapat pahala, sesiapa yang menghukum dengannya akan melaksanakan keadilan dan sesiapa yang memohon kepadanya akan mendapat hidayah ke jalan yang lurus.

1.3 TAUHID DAN BAHAGIAN-BAHAGIANNYA

Ilmu tauhid merupakan ilmu yang berkisar dalam tauhid *ilahīyyah* yang bergabung di dalamnya tiga bahagian yang penting tauhid *al-ulūhīyyah*, tauhid *al-rubūbīyyah*, dan tauhid *al-asmā'* dan *al-ṣifāt*. Semuanya akan dibincangkan maknanya satu persatu. Sebagaimana Allah Taala menyebut di dalam al-Quran mengenai tujuan Ia menjadikan makhluk-makhluk itu adalah bermaksud utnuk mentaatinya dan bukan menyekutukanNya dengan yang lain.

⁵⁰ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا يَعْبُدُونِي

Terjemahan: "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu"

Dalam konteks ini ibadah juga bermaksud tauhid kerana ia memerlukan sesuatu pengertian yang betul-betul dapat meyakinkan diri para-para Nabi dan umat, Allah telah berfirman:

⁵¹ وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنَبُوا الطَّاغُوتَ . . .

Terjemahan: "Dan sesungguhnya kami telah mengutus Dalam kalangan tiap - tiap umat seorang rasul (dengan memerintahkan dan menyeru mereka) : "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhi taghut"

⁵⁰ Surah al-Dzâriyyat: 56.

⁵¹ Surah al-Nahl: 36.

1.3.1 Tauhid *al-ulūhiyyah*

Pengertian tauhid *al-ulūhiyyah* ialah setiap yang berkaitan dengan perbuatan ibadah bagi Allah seperti doa, nazar, korban, pengharapan, takut, tawakkal, suka, ketakutan dan keampunan.⁵² Juga boleh dimengertikan makna tauhid *al-ulūhiyyah* dengan Allah sahaja yang paling berhak disembah dan jangan sekali-kali menyekutukanNya.⁵³

Di antara dalil al-Quran yang menyebut perbuatan-perbuatan ibadah seperti doa di dalam firman Allah Taala:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَذْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي
سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ⁵⁴

Terjemahan: "Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombang takbur daripada berdoa serta beribadat kepadaKu akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina"

⁵²Ibn Taimiyah dan Muhammad bin Abdul Wahhab, *Majmū'ah al-Tauhīd*, (al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyah, t.tkh), m.s 4.

⁵³Abu al-'Iz, *Sharh al-Tahāwiyyah Wa al-'Akīdah al-Salafiyah*, m.s 10

⁵⁴ Surah Ghāfir: 60.

Asal pengertian ibadah ialah menyerahkan sepenuhnya keikhlasan terhadap Allah Taala sahaja di samping menjadi pengikut Rasul s.a.w yang setia.

Allah Taala berfirman:

لَئِنْ مَسَاجِدَ اللَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا⁵⁵

Terjemahan: "Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah"

وَمَا لَنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ
إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونَ⁵⁶

Terjemahan: "Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (Yang Berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu beribadatlah kamu kepadaKu"

⁵⁵ Surah al-Jin: 18.

⁵⁶ Surah al-Anbiyā': 25.

Dan firmannya lagi:

لَهُ دَعْوَةُ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا
كَبَاسِطِنِيَّكُمْ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغُ فَاهَ وَمَا هُوَ بِسَاعِيٍّ وَمَا دُعَاءُ
الْكَافِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ⁵⁷

Terjemahan: "Kuas menerima ibadat yang sebenar adalah tertentu bagi Allah jua; dan makhluk-makhluk yang disembah selain daripadaNya, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatu pun kepada mereka, hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangan kepada air , supaya sampai kemulutnya , pada hal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya. Dan tiadalah ibadat dan doa permohonan orang-orang kafir itu melainkan dalam kesesatan"

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ الْبَاطِلُ وَأَنَّ
اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ⁵⁸

Terjemahan:"Bersifatnya Allah dengan penuh kekuasaan Dan luas ilmu pengetahuan itu kerana bahawasanya Allah Dialah sahaja Tuhan yang sebenar-benarnya, dan bahawa segala yang mereka sembah selain dari Allah adalah palsu belaka. Dan (ingatlah! sesungguhnya Allah Dialah yang Maha Tinggi keadaanNya , lagi Maha

⁵⁷Surah al-Rā' d. 14.

⁵⁸ Surah Lokmān: 30.

Besar (kekuasaanNya)"

Dan firman Allah:

وَمَا أَنْكُمْ الرَّسُولُ فَخَدُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَإِنَّهُمْ^{۵۹}

Terjemahan: "Dan apa jua suruhan yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka ambillah akan dia serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukan nya maka patuhilah larangannya"

Dengan paparan ayat-ayat tersebut, ternyata bahawa Allah s.w.t lebih berkuasa dan mempunyai kuasa mutlak terhadap hamba-hambanya, segala permintaan mereka akan dikabulkan asalkan mereka mentaatinya dan mensyukuri nikmat-nikmatnya yang tidak terkira banyaknya. Maka perlu bagi setiap hamba melakukan perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan akidah Islam terutama mensyirikkan Allah, kerana perbuatan itu akan menyesatkan mereka dan jauh dari rahmatnya. Setiap perbuatan yang baik Allah akan membala dengan kebaikan juga sebaliknya perbuatan jahat akan dibalas dengan kejahatan pula.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam tauhid *al-ulūhiyyah* bahawa tauhid *al-rubūbiyyah* adalah tauhid yang dituntut di dalam akidah maka sebab itu

⁵⁹Surah al-Hashr: 7.

apabila dibicarakan tentang tauhid *al-ulūhiyyah* dengan secara tidak langsung ia melibatkan sama tauhid *al-rubūbiyyah* juga.

1.3.2 Tauhid *al-Rubūbiyyah*

Adapun yang dimaksudkan dengan tauhid *al-rubūbiyyah* iaitu menerangkan bahawa Allah yang mencipta semuanya dengan sendirinya.⁶⁰

Firman Allah Taala:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمْنَ يَمْلِكُ السَّمَاءَ وَالْأَبْصَارَ
وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيَّ وَمَنْ يُدْبِرُ
الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقُلْ أَفَلَا تَعْقُولُونَ⁶¹

Terjemahan: "Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati , dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup ? Dan siapakah pula yang mentadbir urusan sekelian alam? "(dengan pertanyaan

⁶⁰ Abu al-'Iz, *op.cit*, m.s 10.

⁶¹ Surah Yunus: 31.

(tersebut) maka mereka yang musyrik itu tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata : Allah jualah yang menguasai segala-galanya!" oleh itu, katakanlah: "(jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertaqwa"

Firman Allah:

قُلْ إِنَّ الْأَرْضَ وَمَنْ فِيهَا إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ سَيَقُولُونَ الْمَعْلُولُ أَفَلَا يَذَكَّرُونَ .
قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَاوَاتِ السَّمَاءِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ . سَيَقُولُونَ إِلَهٌ
قُلْ أَفَلَا يَعْقُولُونَ قُلْ مَنْ يَنْدِيرُ مَلَكُوتَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ يُحِيرُ وَلَا يُجَاهِرُ
عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ سَيَقُولُونَ إِلَهٌ قُلْ فَإِنَّا نُسَهَّرُونَ⁶²

Terjemahan: "Tanyakanlah (wahai Muhammad) : "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya , kalau kamu mengetahui ? " Mereka akan menjawab:"Kepunyaan Allah! Katakanlah: " Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan insaf). Tanyakanlah lagi:"Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbirkan langit yang tujuh dan Tuhan yang mempunyai carasy yang besar?" Mereka akan menjawab : "(Segala-gala nya) kepunyaan Allah!" Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu bertaqwa?" Tanyakanlah lagi: "Siapakah yang memegang kuasa pemerintah tiap-tiap sesuatu, serta ia dapat melindungi tiap- tiap sesuatu dan tidak ada sesuatu pun yang dapat diperlindungi daripada kekuasaanNya? (Jawablah) jika kamu mengetahui!" Mereka akan menjawab: " (Segala-galanya) dikuasai oleh Allah!" Katakanlah"Jika demikian, bagaimanakah kamu tertarik hati kepada perkara yang tidak benar?"

⁶²Surah al-Mukminūn: 84-89.

Dan alam ini tidak mempunyai dua pencipta yang sama pada sifat dan perbuatan. Ini yang dikatakan tauhid yang sebenar yang tidak terdapat di dalamnya kesangsian. Pengertian itu merupakan matlamat ahli kalam dan segolongan ahli sufi.⁶³

Tauhid *al-rubūbiyyah* juga tidak pernah memihak kepada sesuatu golongan tertentu dari bani Adam, ini disebabkan kerana jiwa dan hati yang dicipta dengan fitrah akan tetap mengakui kebenaran tentang kebesaran Allah lebih dari yang lain-lainnya.⁶⁴

Di dalam al-Quran menerangkan pengertian ini melalui kata-kata para Rasul yang disebut dalam firman Allah Taala:

فَالْتُّرْسُلُمْ أَفِي اللَّهِ شَكْ فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ...⁶⁵

Terjemahan: " *Rasul – rasul bertanya : " Patutkah Berlakunya sebarang syak tentang wujudnya Allah, Yang Mencipta langit dan bumi"*"

⁶³ Abu al-'Iz ,*op.cit*, m.s 77.

⁶⁴*Ibid.* m.s 77.

⁶⁵Surah Ibrahim: 10.

Di antara golongan manusia yang paling angkuh di muka bumi ini dan ingkar terhadap pencipta (Allah) ialah Firaun, tetapi di dalam hatinya masih ada keyakinan terhadap Allah. Sebagaimana Musa a.s bertanya kepadanya (Fir'aun):

قَالَ لَقَدْ عِلِّمْتَ مَا أُنْزِلَ هُوَ لَعَلَّا إِلَرَبُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ بَصَارٌ...⁶⁶

Terjemahan: "Nabi Musa menjawab: "Sebenarnya engkau (hai Fir'aun) telah pun mengetahui: Tiadalah Yang menurunkan mukjizat-mukjizat ini melainkan Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi, sebagai bukti - bukti yang menerangkan kebenaran"

Firman Allah Taala menyebut tentang kaum Fir'aun:

وَجَحَدُوا بِهَا وَاسْتَيْقَنُهَا أَنفُسُهُمْ ظُلْمًا وَغَلُوْ...⁶⁷

Terjemahan: "Dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sombang, sedang hati mereka meyakini kebenaran"

Walaupun Firaun ingkar dan tidak mahu beriman kepada Allah tetapi Nabi Musa a.s tetap menjawab segala dakwaan mereka itu. Seperti disebut di dalam al-Quran:

⁶⁶Surah al-Isra': 102.

⁶⁷Surah al-Naml: 14.

قَالَ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَلِكُهُمَا إِنْ كُنْتُمْ مُوقِدِينَ قَالَ إِنَّمَا حَوْلَهُ
 أَلَا أَسْتَعِمُونَ قَالَ رَبُّكُمْ وَرَبُّ آبَائِكُمُ الْأَوَّلِينَ قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمُ الدِّيْنِ
 أَرْسَلَ إِلَيْكُمْ لَمَجْنُونٌ قَالَ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا يَنْهَا إِنْ كُنْتُمْ
 تَعْقِلُونَ⁶⁸

Terjemahan: "Nabi Musa menjawab: "Dialah yang memiliki dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya kalaularah kamu mahu mendapat keyakinan dengan berdalil maka inilah jalannya ". Firaun berkata keapda orang -orang yang ada di Sekelilingnya : " Tidakkah kamu dengar (akan apa Yang dikatakan olehnya)". Nabi Musa menegaskan lagi: "Dialah Tuhan datuk nenek kamu yang telah lalu ". Firaun berkat : (orang-orangnya): "Sebenarnya Rasul Yang diutuskan kepada kamu itu sungguh gila!". Nabi Musa (menerangkan lagi tentang keesaan Allah dan kekuasaannya dengan) berkata: "Dialah yang memiliki dan menguasai timur dan barat serta segala yang ada di antara keduanya , kala kamu orang-orang yang berakal tentulah memahaminya!""

Pada hakikatnya, semua ayat-ayat al-Quran membuktikan dengan jelas bahawa Fir'aun seorang yang ingkar terhadap Allah dan menolak segala yang ada pada Allah, walaupun demikian, dia tidak meminta penjelasan yang nyata tentang hakikat Allah. Oleh itu, Nabi Musa cuba menerangkan kepada kaumnya bahawa Firaun sememangnya sudah mengetahui tentang Allah.⁶⁹

⁶⁸Surah al-Shu'ara': 24-28.

⁶⁹Abu al-'Iz ,*op.cit*, m.s 77.

Sehubungan dengan itu, dapatlah difahami bahawa tauhid yang dimaksudkan dalam perkara ini ialah tauhid *Ilaḥīyyah*. Tauhid *Ilaḥīyyah* ialah tauhid yang mengandungi tauhid *al-rubūbīyyah*⁷⁰ sebagaimana yang diterangkan di dalam al-Quran:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ الْمَدِينَ حَتَّىٰ فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا يُبَدِّلَ احْلُقُ
اللَّهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ مُنَبِّئِنَ إِلَيْهِ وَآتَقُوْهُ
وَلَقُوا الصَّلَاةَ وَلَا يَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ مِنَ الَّذِينَ فَرَقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا
شَيْئًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ بِإِذَا مَسَ النَّاسَ ضُرُّ دَعْوَاهُمْ رَبِّهِمْ
مُنَبِّئِنَ إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا قَاتَهُمْ مِنْهُ رَحْمَةً إِذَا فَرِيقٌ مِنْهُمْ يَرْتَهِمْ يُشَرِّكُونَ .
لَا يَكْفُرُوا بِمَا آتَيْنَاهُمْ فَمَمْعَلُوا فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ لَمْ أَنْزَلْنَا عَلَيْهِمْ سُلْطَانًا
فَهُوَ يَنْكِلُّ بِمَا كَانُوا بِهِ يُشَرِّكُونَ . وَإِذَا أَذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا
وَإِنْ نُصِّبُهُمْ سِيَّةً بِمَا قَدَّمْتُ أَنِيْهِمْ إِذَا هُمْ يَقْتَطُونَ⁷¹

Terjemahan: " (Setelah jelas kesesatan syirik itu)
Maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan ; (turutlah terus) "Agama Allah"

⁷⁰Ibid: m.s 13. al-Hanafi, Ibn Abi al-'Iz dll. *Sharh al-'Akīdah al-Tahāwīyyah*, m.s 81

⁷¹Surah al-Rūm: 30-36.

iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya lagi) untuk menerimanya ,tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus , tetapi kebanyakkan manusia t tidak mengetahui. Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) sentiasa rujuk kembali kepada Allah (dengan mengerjakan amal-amal bakti) serta Bertaqwalah kepadaNya , dan kerjakanlah sembahyang dengan betul sempurna; dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik - iaitu orang-orang yang menjadikan sahaman agama mereka berselisihan mengikut kecenderungan masing - masing serta mereka pula menjadi berpuak -puak ,tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (dari sahaman dan amalan yang terpesong itu). Dan apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, mereka segera berdoa kepada Tuhan mereka dengan keadaan rujuk kembali bertaubat kepadanya ; kemudian apabila Allah memberi mereka merasai sesuatu rahmat daripadaNya, tiba-tiba sebahagian dari mereka mempersekuatkan sesuatu yang lain dengan Tuhananya. Dengan sebab itu mereka mengingkari nikmat- nikmat yang telah Kami berikan kepadanya . Maka (dikatakan kepada mereka): "Bersenang - senanglah kamu (bagi sementara) kemudian kamu akan mengetahui (balasan kederhakaan kamu) . "Pernahkah kami turunkan kepada mereka (yang musyrik itu) sebarang bukti keterangan, lalu ia menerangkan jalan yang membolehkan mereka melakukan perbuatan syirik itu? Dan apabila kami beri pada manusia merasai sesuatu rahmat, mereka bergembira dengannya (sehingga lupa daratan); dan jika mereka ditimpa sesuatu disebabkan apa yang telah dilakukan sendiri, tiba-tiba mereka berputus asa"

Dan firman Allah Taala:

قالَ رَسُولُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌ فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ...⁷²

Terjemahan: "Patutkah berlakunya sebarang syak tentang wujudnya Allah, yang mencipta langit dan bumi"

Sebagaimana Rasulullah s.a.w bersabda:

كُلُّ مُؤْلَدٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَإِنَّمَا يُهَوِّدُ إِنْهُ أَوْ يُنَصَّرِّ إِنْهُ أَوْ يُمَجْسِّدِ إِنْهُ⁷³

Terjemahan: "Setiap anak dilahirkan dengan fitrah, kedua ibu bapanya yang bertanggungjawab menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi"

Walaupun demikian ini tidak bermakna setiap yang dilahirkan dengan fitrah tidak mengenal erti tauhid dan tidak pula menjadikan syirik. Ini dijelaskan lagi dalam hadis qudsi:

⁷² Surah Ibrahim: 10.

⁷³ *Sahih al-Bukhārī*, Kitab al-Janā'iz, hadis no. 1296, bab 'Idhā 'Aslama al-Šabīyyu Fa Māta Hal Yuṣallī ḥalāhi. Wa Hal Yu'aridu ḥala al-Šabīyyu al-Islām?, jil. 3, juz. 3, m.s 219

⁷⁴ وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي حُنَفَاءٌ كُلُّهُمْ وَإِنَّهُمْ أَئُمُّ الشَّيَاطِينَ فَاجْتَازُهُمْ عَنْ دِينِهِمْ ..

Terjemahan: "Aku jadikan hamba-hambaKu tulus suci, lalu syaitan telah memperdayakan mereka ke jalan yang sesat"

1.3.3 Tauhid *al-Asmā'* dan *al-Sifāt*

Al-Asmā' dan *al-Sifāt* dua nama yang mempunyai kaitan yang erat dalam perbincangan tauhid. Kedua-dua frasa itu menerangkan kesuburan zat Allah yang kekal padanya seperti sifat-sifat ketinggian, kecantikan, keagungan dan kesempurnaan seperti kekuasaan, kehendak, keilmuan dan kebijaksanaan.

1.3.3.1 Pengertian *al-Asmā' al-Husnā*

Asma' Allah atau nama-nama yang indah bagi Allah semuanya menunjukkan keelokkan dan kecantikan maknanya yang teramat sangat elok bagi Allah Taala, sebagaimana disebut di dalam al-Quran:

⁷¹ Diriwayatkan oleh **Muslim** hadis no. 5109 dan **Ahmad** hadis no. 16837 dar hadis Iyaā Ibn Hammar.

وَكُلُّهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ...⁷⁵

Terjemahan: "Dan bagi Allah nama-nama yang elok"

Oleh kerana Allah s.w.t mempunyai nama-nama yang elok, maka ia membawa kepada sifat-sifat yang sempurna yang tidak ada kekurangan sedikit pun, seperti *al-Haīyu*, *al-‘Alīm*, *al-‘Azīz*, *al-Ḥakīm* dan lain-lain.⁷⁶

1.3.3.2 Pengertian *al-Sifāt*

Dari sudut istilah: Ulama Kalam mentakrifkan kepada sesuatu keadaan di sebalik dhat atau yang berdiri dengan dhatnya dari sifat *ma‘āni* dan sifat *nu‘ūt* iaitu bagi Allah mempunyai sifat-sifat ketinggian, kecantikan, keagungan dan kesempurnaan seperti kekuasaan, kehendak, mengetahui dan bijaksana.

Perlu bagi umat Islam beriman dengan sifat-sifat Allah Taala dengan mengisbatkanNya tanpa ragu-ragu dengan mengingatkan Allah tidak mempunyai

⁷⁵Surah al-‘Araf: 180

⁷⁶Muhammad Ibn Ṣāleḥ Ibn Ḥaīmīn, *al-Qawā‘id al-Muthlā Fī Sifātillah Wa Asmā‘ihī al-Husnā*, cet. 1, (Kaherah: Maktabah al-Sunnah, 1990M/1411H), m.s 9.

bentuk dan tidak menyerupai yang lain dari makhluk. Dalam soal ini Allah Taala menyebut tentang keimanan dengan Allah dan sifat-sifatNya di dalam al-Quran:

لَيْسَ كَمُوْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ⁷⁷

Terjemahan: "*Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan Nya (dengan dhatNya, sifatNya dan pentadbiranNya) dan Dialah Amat mendengar lagi Amat Melihat*"

Pengertian tauhid *al-asma'* dan *al-Sifāt* iaitu mengesakan Allah Taala dengan *asma'*Nya dan sifat-sifatNya. Allah Taala mengisbatkan di dalam al-Quran mengenai dirinya melalui asma' dan sifat atau melalui Rasulullah s.a.w yang menerangkan dengan tepat tanpa ada apa-apa perubahan di dalamnya.⁷⁸

Sebagai seorang hamba tidak seharusnya mengisbatkan sesuatu dengan nama Allah atau sifatNya, perkara ini dijelaskan di dalam al-Quran:

⁷⁷Surah al-Shūrā: 11.

⁷⁸al-'Othaimīn, *op.cit*, m.s 230.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ . اللَّهُ الصَّمَدُ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ⁷⁹

Terjemahan: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Tuhan kita
ialah Allah Yang Maha Esa; Allah yang menjadi
tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang
hajat; ia tiada beranak, dan ia pula tiada diperanakkan;
dan tidak ada sesiapa pun yang setara denganNya"

Dan firman Allah Taala:

وَكَلَّهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَدَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ
سَيِّجُرُونَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ⁸⁰

Terjemahan: "Dan Allah mempunyai nama-nama yang Baik (yang mulia), oleh itu serukanlah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan"

Agama Islam melarang keras kepada sesiapa mengaitkan nama atau sifat Allah Taala yang tidak disebut di dalam al-Quran dan hadis, kerana cara yang

⁷⁹Surah al-Ikhlas: 1-4.

⁸⁰ Surah al-A'raf: 180

demikian itu menimbulkan salah faham dalam Islam terutama yang berkaitan dengan Allah.

Oleh itu, setiap perbuatan syirik boleh membawa penipuan di dalam nas-nas al-Quran dan pendustaan terhadap Allah dengan menyamakanNya dengan makhluk.

Begitu juga tidak harus mengisbatkan nama atau sifat Allah dengan bentuk dan rupa, kerana perkataan itu boleh membawa kepada kekeliruan di dalam sifat Allah Taala. Semua ini akan menjadikan setiap orang akan berkhayal memikirkan rupa dan bentuk yang tertentu bagi Allah, dan keadaan tidak boleh kesampaian oleh akal kerana Allah Taala Amat Tinggi dan Amat besar kekuasaanNya.⁸¹

Ramai di kalangan ulama-ulama menumpukan dalam bahagian ini. Mereka terbahagi kepada enam bahagian:

Bahagian Pertama:

Golongan yang melakukan tafsiran ayat-ayat al-Quran mengikut zahirnya yang bersesuaian dengan Allah, dan tidak melakukan penyelewengan

⁸¹*Ibid.* ms 231

Mereka terdiri dari ulama Salaf yang sememangnya berpegang dengan al-Quran, sunnah dan akal serta ijmak.

Bahagian kedua:

Golongan yang melakukan tafsiran ayat pada zahirnya, tetapi menyamakannya dengan sifat makhluk.

Mereka adalah ahli *tamthīl*, mazhab mereka tidak berpegang pada al-Quran, sunnah dan akal serta menolak salaf.

Bahagian Ketiga:

Mereka cuba mentafsirkan ayat-ayat al-Quran lain daripada zahirnya dan mereka menentukan sendiri maknanya mengikut pendapat mereka serta mengubahnya. Mereka dari ahli ta'til yang sentiasa melakukan kecuaian yang besar di dalam ayat-ayat al-Quran, seperti Jahmiyah, Muktazilah dan lain-lain.

Bahagian Keempat:

Golongan yang mengatakan: Bahawa Allah lebih mengetahui apa yang diketahui di dalam nas-nas itu, mereka menyerahkan pengetahuan tentang makna ayat-ayat itu kepada Allah seorang. Mereka terdiri dari ahli *tajhil*, di kalangan mereka terdapat percanggahan pendapat dalam soal Allah lebih mengetahui dengan apa yang Dia kehendaki.

Bahagian Kelima:

Mereka mengatakan bahawa harus memberi maksud nas-nas itu dengan mengisbatkan sifat yang bersesuaian dengan Allah walaupun maksudnya tidak demikian.

Golongan ini terdiri dari ahli Fiqah dan lain-lain.

Bahagian Keenam:

Golongan yang hanya menumpukan dengan membaca nas-nas al-Quran dan tidak mengaitkan apa-apa di dalamnya.

Bahagian-bahagian yang disebutkan di atas semuanya tidak benar kecuali yang pertama

Dengan keterangan dan penjelasan makna bahagian-bahagian tauhid itu ternyata di sini, bahawa kebanyakan mutakkalimin telah membuat kesilapan yang berhubung dengan penama tauhid dan mereka membahagikannya kepada tiga bahagian iaitu:

Pertama: Bahawa Allah satu pada zatNya dan Ia tidak mempunyai bahagian atau pembahagian.

Kedua: Allah satu pada sifatNya dan tidak ada yang menyerupaiNya.

Ketiga: Allah satu pada perbuatanNya dan tidak mempunyai sekutu.⁸²

Setelah direnung dan diteliti, kajian ini dapati kebanyakan ayat-ayat al-Quran banyak memperkatakan tentang tauhid dan yang berhubungkait dengan hak orang-orang yang beriman dengannya dan pujian mereka, begitu juga terdapat di dalamnya mengenai cemuhan terhadap perbuatan syirik dan penderhakaan manusia terhadap Allah serta balasan mereka.

⁸² *Ibid.* m.s 233.

Segala pujian bagi Allah Taala semesta alam yang Maha Pemurah Maha Mengasihani yang menerajui di hari pembalasan, kepadaMu kami menyembah dan kepadaMu kami memohon pertolongan dengan tauhid ini kami memohon hidayahMu pada jalan yang lurus iaitu jalan yang Kau berikan nikmatnya kepada mereka (Nabi-nabi, Rasul-rasul dan orang-orang yang beriman serta beramal saleh) bukan jalan orang-orang yang Kau telah murkai dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat yang menolak tauhid kerana angkuh dan degil serta perosak.

Al-Sunnah sebagai rujukan yang kedua selepas al-Quran dapat menghuraikan dan menerangkan dengan tepat dan jelas apa-apa yang terdapat di dalamnya, dalam akidah Islam sendiri meletakkan bahawa Allah tidak memerlukan kepada kita meluahkan pendapat, citarasa dan perasaan seseorang. Oleh itu, kita dapati mereka yang tidak mengikut al-Quran dan al-Sunnah sentiasa berselisih faham dan bercakaran,⁸³ dan Allah Taala berfirman:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ زَمْنَنِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ..⁸⁴

Terjemahan: "Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah reda akan Islam itu menjadi agama untuk kamu"

⁸³al-Kūfi, *op,cit*, m.s 16.

⁸⁴Surah al-Māidah: 3.

Firman Allah Taala:

⁸⁵ هَذَا بِلَاغٌ لِّتَنَاسٍ ...

Terjemahan: "(Al-Quran) ini disampaikan kepada manusia"

⁸⁶ أَوْلَمْ يَكُفِّرُونَ إِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْكِتَابَ يُمْلِئُ عَلَيْهِمْ ...

Terjemahan: "(Patutkah mereka meminta mukjizat-mukjizat yang lain) tidakkah cukup bagi mereka bahawa kami telah menurunkan kepadamu al-Quran yang dibacakan kepada mereka"

Dan firmannya lagi:

⁸⁷ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ طَهِّرُوهَا ..

Terjemahan: "Dan apa jua suruhan yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka ambillah akan dia serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya"

⁸⁵ Surah Ibrahim: 52.

⁸⁶ Surah al-Ankabut: 51.

⁸⁷ Surah al-Hashr: 7.

1.3.3.2.1 Bahagia-bahagian *al-Sifāt*

Al-Sifāt terbahagi kepada sifat *fi'līyyah* dan sifat *khabarīyyah*. Sifat-sifat itu membahaskan soal sifat-sifat yang menunjukkan kepada perbuatan Allah dan kesempurnaan sifat itu.

I. Sifat *fi'līyyah*

Di antara sifat-sifat *fi'līyyah* seperti *istiwā*, *alā*, *arash*, *al-ma'līyyah*, *al-muzūl*, *al-majī'*, *al-kalām*, *al-mahabbah*, *al-rahmah*, *al-redā*, *al-ta'jub*, dan *al-ghadab*. Semua sifat-sifat itu akan dibincangkan di dalam bab dua dengan lebih luas skopnya.

II. Sifat *khabarīyyah(dhat)*

Di dalam sifat *khabarīyyah* pula terdapat sifat *al-wajh*, *al-nafs*, *al-aṣābi'*, *al-ṣāq*, *al-āīn*, *rū'yah* Allah Taala..

Adapun sifat-sifat di atas luas perbincangannya dan huraianya. Kajian ini akan dibincangkan di dalam bab dua dan tiga.

1.4 TAUHID MENURUT PERSPEKTIF ULAMA KALAM

Sebagaimana yang telah diterangkan di atas, terdapat pendapat-pendapat tertentu di dalam pengertian tauhid mengikut pendekatan masing-masing dan hujjahah yang dibawa untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Oleh itu, di kalangan ulama kalam yang banyak membincangkan soal tauhid ialah golongan Muktazilah, di samping itu dibawa bersama pandangan Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah di dalam kajian ini.

1.4.1 Tauhid Menurut Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah

Pengertian tauhid mengikut pandangan al-Juwaini,⁸⁸ Tauhid merupakan gabungan dari satu perkataan, yang dimaksudkan dengannya huraihan sesuatu menerusi sesuatu, mengesakan dari sesuatu setelah digabungkannya kepadaNya. Dengan ini terdapat persimpangan di antara jawhar: Setiap daripadanya terdapat maksud itu. Antara yang dimaksudkan dengan tauhid iaitu mendatangkan bersama dengan perbuatan yang satu pada kesannya. Dan yang lain pula dimaksudkan

⁸⁸Beliau ialah Imam al-Haramain Abu al-Ma'ali Abdul Malik Bin Abdullah bin Yusuf. Meninggal pada tahun 478H. Beliau dinasabkan kepada negeri asal bapanya iaitu (Juwain) yang terletak di Faris dan ketika bapanya Abdullah bin Yusuf meninggal dunia anaknya Abdul Malik duduk mengajar di tempat ayahnya lalu berpindah nisbah ini kepadanya.

dengan tauhid iaitu keyakinan kepada keesaan, maksud ini yang dikehendaki oleh ahli kalam secara mutlak di dalam pengertian tauhid.⁸⁹

1.4.1.1 Makna Tauhid

Tauhid Alah dari sudut maknanya terbahagi kepada tiga perkara:

- I. Tauhid Allah pada wujud: Iaitu menolak syirik bagi Allah.
- II. Tauhid Allah pada dhat: Iaitu menolak susunan bagi Allah.
- III. Tauhid Allah pada sifat: Iaitu menolak persamaan bagi Allah.

Mengenai tauhid Allah pada wujud, sesungguhnya telah diisbatkan bahawa Allah Taala mesti ada dengan dhatnya kerana ia sebagai pencipta alam, kehidupan dan manusia setiap yang ada mesti dengan dhatNya, dan kita mesti mengakui bahawa Allah tidak boleh disekutukan dengan yang lain pada dhatNya secara mutlak.⁹⁰

⁸⁶ al-Jūwainī, *al-Shāmil Fī Usūlūddīn*, tahqīq Ḥusayn b. Ali Samī al-Nasshār, Dr. et.al. (Mesir: al-Ma‘arif, 1969), m.s 351.

⁸⁷ Muhammad Ja‘afar Shamsuddin, *Dirāsāt Fī al-‘Akīdah al-Islāmīyyah*, cet. 1, (Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani, 1977), m.s 126.

Yang dimaksudkan dengan Tauhid pada dhat ialah keesaanNya dan mustahil keadaannya tersusun dari mana-mana bahagian pembentukan, sama ada dari sudut aklinya seperti penyusunan dhat daripada genus dan fasal, atau dari sudut luaran seperti penyusunannya daripada benda dan bentuk.⁹¹

Mengenai masalah tauhid dhat dan sifat dan penyatuan kedua-duanya perlu diambil perhatian, kerana makna sifat bukan mudah bagi manusia menggambarkannya melalui deria atau akal mengenai hakikat dhat ilahi untuk mengetahui hakikatnya kerana perkara ini adalah mustahil.⁹²

Imam al-Haramain mengatakan tujuan penulisan kitab tauhid adalah untuk mengukuhkan hujjah sifat *wahdāniyyah* (tunggal) ketuhanan, dan Dia tiada Tuhan melainkanNya. Kita perlu mendalamai masalah itu untuk mencapai maksud itu terutama dengan membawa hujjah sifat *wahdāniyyah* dan menerangkan kebenarannya di dalam usuluddin dan kepalsuan yang direka oleh *fīraq* yang menentang keunggulan sifat itu.⁹³

⁹¹*Ibid.* m.s 131.

⁹²*Ibid.* m.s 133.

⁹³al-Jūwainī, *op.cit.* m.s 351-352.

1.4.1.2 Pengertian *Wahdāniyyah*

Makna *wahdāniyyah* ialah menafikan berbilang-bilang pada dhat, sifat dan *af' al-*⁹⁴ atau Allah adalah satu pada dhatNya, sifatNya dan perbuatanNya⁹⁵ atau pun tidak dua pada dhatNya, sifatNya dan perbuatanNya.⁹⁶

Makna Allah itu satu pada dhatNya ialah tidak ada di sana zat yang serupa dengan dhatNya, dhat Allah tidak tersusun daripada juzuk-juzuk kerana susunan itu adalah sifat bagi perkara yang baharu.⁹⁷

Makna Allah itu *wāhid* pada sifatNya ialah tidak ada di sana sifat-sifat yang menyerupai sifatNya, tidak ada *qudrat* yang sama dengan *qudrat* Allah, *irādat* yang sama pada satu nama dan makna, seperti dua *qudrat* dan dua *irādat*, bahkan *Qudrat* Allah adalah satu.⁹⁸

⁹⁴al-Dardir, Abu al-Barakat Saidi Ahmad, *Sharh al-Kura'idah Fi 'Ilm al-Ta'uhid* ta'liq Husin Abd al-Rahim Makkī, (Kaherah: Matba'ah 'Ali Šubhi Wa Awlāduh, 1954), m.s. 57.

⁹⁵*Ibid:* m.s 57.

⁹⁶al-Sanūsī, Abi Abd Allah Muhammad Yusuf, *Sharh Umm al-Barāhīn*, (Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.thk) m.s 96.

⁹⁷al-Nahrāwī, Ahmad , *Fath al-Majid Sharh al-Dur al-Farid Fi al-Ta'uhid*,(Shirkah al-Ma'ārif li Ḥibātah Wa al-Nash'ah, t.thk), m.s 16.

⁹⁸*Ibid:* 16 - 17.

Wāhid pada *af' al-Nya* ialah bahawa semua perbuatan Allah adalah hanya khas bagi Allah, tidak ada satu makhluk pun yang mempunyai perbuatan dengan erti kata yang sebenar, hanya yang ada pada hamba, perbuatan yang diusahakannya itu adalah semata-mata usaha sahaja.⁹⁹

Daripada pengertian *wahdāniyyah* ini boleh dibahagikan sifat ini kepada tiga bahagian:

Pertama: Menafikan berbilang-bilang pada dhatNya, ini dinamakan dengan *al-kam al-muttaṣil*,¹⁰⁰ yang dimaksudkan dengan *kam muttaṣil* ialah menafikan dhat Allah daripada tersusun sama ada tersusun hakiki atau ma^cnawi.

Kedua: Menafikan penyerupaan bagiNya sama ada pada dhatNya, atau sifat-sifatNya itu dinamakan *al-kam al-munfaṣil*,¹⁰¹ dan yang dimaksudkan dengan *kam munfaṣil* ialah menafikan dhat dan sifat Allah daripada berbilang-bilang dari segi bilangan.

⁹⁹*Ibid.* m.s 91.

¹⁰⁰al-Sanūsī, *op.cit*, m.s 91.

¹⁰¹*Ibid.* m.s 91.

Ketiga: Tersendirinya Allah menjadikan dan mentadbirkan alam dengan tidak ada perantaraan dan *mu^cälajah*, tidak ada yang memberi kesan selainNya¹⁰² seperti firman Allah:

إِنَّا كُلُّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدْرٍ¹⁰³

Terjemahan: "Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)"

ذَلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ...¹⁰⁴

Terjemahan: "Yang demikian (sifat-sifat dan kekuasaan) ialah Allah Tuhan kamu, tiada tuhan (yang disembah dengan sebenar - benarnya) melainkan Dia, yang menciptakan tiap - tiap sesuatu, oleh itu beribadatlah kamu kepadanya"

Dan firmanya lagi:

¹⁰²*Ibid.* m.s 91.

¹⁰³Surah al-Qamar: 49.

¹⁰⁴Surah al-An^cām: 102.

لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ...¹⁰⁵

Terjemahan: "...BagiNya kerajaan langit dan bumi"

1.4.1.3 *Dalil-dalil Wahdānīyyah*

Al-Sanūsī di dalam Umm al-Barāhīn membahagikan dalil kepada tiga bahagian:

Pertama: Dalil kepada *wahdah al-dhāt*, yang bermakna menafikan susunannya dan ketiadaan pembahagiannya. Dalil yang menafikan Allah daripada berjirim dan bersusun.¹⁰⁶

Dalil menafikan susunan bagi Allah ialah, setiap yang tersusun berhajat kepada juzuk, juzuk itu adalah selainNya, setiap yang berhajat kepada yang lain adalah *mungkin*, kerana dhatNya tanpa sesuatu yang lain itu tidak akan sempurna wujudnya dan bukan yang di luar darinya, iaitu dengan setiap juzuk daripadanya itu

¹⁰⁵ Surah al-Baqarah: 107, al-Māidah: 40, al-Furqan: 2, al-Zukhruf: 85, al-Hadid: 2 dan 5, al-Burūj: 9, al-Taubah: 116.

¹⁰⁶ al-Sanūsī, *CUmdah Ahl al-Tawqīf Wa al-Tasdīq, Sharh Ākīdah al-Tauhīd al-Kubra* oleh Ismā‘il Ibn Musa ḤOthman al-Ḥamīdī, (Kaherah: Maṭba‘ah Mustafa al-Bābī al-Halabī, 1936M/1335H) m.s 309

sama ada wajib maka akan berbilang-bilang wajib, akan terbatas atau tidak wajib maka wajib akan berhajat kepada **mungkin**, dengan itu lebih utama digelar **mungkin** ataupun satu daripada juzuk itu berhajat kepada **mungkin**, dengan itu lebih utama digelar **mungkin** ataupun satu daripada juzuk itu berhajat kepada yang lain maka jadilah **mungkin** dan jadilah **mungkin** kepada yang wajib dan wajib kepada **mungkin**¹⁰⁷ ini adalah mustahil.

Kedua: Menafikan persamaan atau pembahagian ketuhanan, termasuk di dalamnya ialah bersendiri Allah menjadi segala yang mungkin sama ada mungkin itu dhat atau perbuatan.¹⁰⁸

Dalilnya ialah alam dengan adanya alam.¹⁰⁹ Adanya alam ini menjadi dalil bahawa Allah itu satu, sebaliknya jika Allah lebih daripada satu nescaya tidak akan ada alam:

"Sekiranya Allah mempunyai syarikat maka sama ada ia bersama menjadi alam... atau berlainan menjadikan alam, sekiranya bersama menjadikan alam nescaya akan berhimpun dua yang memberi kesan kepada kesan yang

¹⁰⁴ al-Taftīzān, Sa‘ad al-Dīn al-Maqāsid al-Tūlibīn, 2 juz, (Kaherah: Dar al-‘ibārah al-‘Amīrah, 1277H), ms. 45.

¹⁰⁸ al-San-si, *op.cit*, ms. 309.

¹⁰⁹ al-Fātīb, Muhammad Ibn al-Shafī‘ī, *Kifayat al-‘Awwām Fimā Yajib ‘Alaihim Min ‘Ilm al-Kalām*, (Maktabah al-Babi al-Halabi, 1949), ms. 43.

*satu, ini adalah mustahil dan sekiranya berlainan menjadikan alam, sama ada akan terlaksana kehendak yang satu daripada keduanya atau tidak ada sekiranya tidak terlaksana kehendak yang pertama maka kehendak yang tidak terlaksana itu akan lemah, sedangkan telah diandaikan bahawa ianya sama di dalam ketuhanannya, maka yang terlaksana kehendaknya juga akan lemah sepertinya kerana keduanya sama di dalam ketuhanan. Dan sekiranya tidak terlaksana kehendaknya maka kedua-duanya adalah lemah, maka mustahil ada alam.*¹¹⁰

Kalau dilihat di dalam penulisan buku-buku Tauhid terdapat dalil-dalil yang digunakan adalah sama dengan dalil yang tersebut itu walaupun berlainan gaya bahasa. Dalil-dalil itu adalah berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran yang tersebut di bawah ini.

قُلْ لَوْ كَانَ مَعَهُ آلهٌ كَمَا يَقُولُونَ إِذَا لَبَسَعُوا إِلَى ذِي الْعَرْشِ سَيِّلًا¹¹¹

Terjemahan: "Katakanlah (Wahai Muhammad : "Kalaulah ada tuhan-tuhan yang lain bersama Allah, sebagaimana yang mereka katakan itu, tentulah tuhan-tuhan itu akan mencari jalan kepada Allah yang mempunyai carasy (dan kekuasaan yang mutlak)"

¹¹⁰Ibid. m.s 43

¹¹¹Surah al-Isrā': 42.

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آيَةٌ إِلَّا لَفَسَدَهَا فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ

عَمَّا يَصِيفُونَ¹¹²

Terjemahan: "Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai Arash dari apa yang mereka sifatkan"

وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَهٍ إِذَا لَدَهُبَ كُلُّ إِلَهٍ بِمَا خَلَقَ...¹¹³

Terjemahan: "... Dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan bersertanya: (Kalauolah ada banyak tuhan) tentulah tiap - tiap tuhan itu akan menguasai dan menguruskan segala yang diciptakannya dengan sendirinya"

أَمْ جَوَّا لِلَّهِ شُرُكَاءَ خَلَقُوا كَمْحَلَّةً...¹¹⁴

Terjemahan: "... atau adakah makhluk - makhluk yang mereka jadikan sekutu bagi Allah itu telah menciptakan sesuatu seperti ciptaanNya"

¹¹²Surah al-'Anbiyā': 22

¹¹³Surah al-Mu'minūn: 91.

¹¹⁴Surah al-Rā'iq: 16.

Dalil-dalil itu dinamakan *al-Tamannu*^{c115}

Terdapat juga dalil kejadian alam yang tersusun indah sebagai dalil Tuhan itu satu.

"*Sekiranya Tuhan lebih daripada satu maka akan berlaku kekecohan di dalam pentadbiran, umpamanya akan berlaku perubahan di dalam musim sejuk dan panas, atau perubahan turun hujan perubahan kedudukan langit dan bumi, perjalanan matahari, bulan dan bintang. Jika berlaku ini semua di dalam bentuk yang sama maka ini semua tidak akan berlaku dengan satu Tuhan maka dengan keadaan itu wajiblah Tuhan itu satu*"¹¹⁶

1.4.2 Tauhid Menurut Muktazilah

Golongan Muktazilah adalah salah satu dari *fīraq* yang paling penting dalam sejarah ilmu kalam. Kelahiran Muktazilah adalah berpunca dari sikap golongan Khawarij yang melampau dalam hukum mentakfirkan orang Islam yang melakukan dosa. Mereka mengatakan orang itu kafir dan kekal di dalam neraka.

¹¹⁵ Imam al-Haramain, *al-Shāmil Fī Usūluddīn*, m.s 352. Ibn Rusd, *Manāhij al-Ādillah Fī Āqā'ied al-Millah*, Tahqiq Mahmud Qāsim, cet: 3, (Kaherah: Maktabah al-Anggo al-Misriyyah 1969) m.s 158.

¹¹⁶ al-Māturidī, Abi Mansūr Muhammad Ibn Muhammad, *Kitāb al-Tauhīd*, Tahqiq Fath Allah Khalif, (Beirut: Dar al-Mashriq, 1970), m.s 21.

Dengan keputusan yang dibuat oleh Khawarij itu, tercetus perbahasan di kalangan umat Islam.

Di antara nama-nama yang dikaitkan dengan Muktazilah seperti nama Jahmiyyah yang diasaskan oleh Jahm ibn Ṣafwān dan gelaran yang paling masyhur baginya ialah Qadariyah, tetapi kedua-dua nama itu tidak disukainya kerana mereka lebih suka jika dikaitkan dengan nama lain. Mereka menamakan diri mereka sebagai Ahl *al-Adl* kerana keadilan mereka dan *al-tauhīd* kerana pengetahuan mereka dalam ilmu itu. Mereka amat suka menggunakan nama itu (*Ahl al-Adl* dan *al-Tauhīd*) kerana nama itu diambil dari dua prinsip yang ada di dalam prinsip mereka yang lima iaitu: Tauhid dan keadilan.

Prinsip pertama yang diamalkan oleh Muktazilah ialah Tauhid. Ibn Taimiyah menyebut tentang prinsip ini di antaranya mereka menolak sifat, mengingkari rukyah dan menghukum al-Quran itu makhluk. Pendapat mereka disokong oleh Jahmiyah dan berpendapat sesiapa yang mengisbatkan sifat bagi Allah dan berkata bahawa Allah boleh dilihat diakhirat serta al-Quran kalam Allah bukan makhluk maka ia adalah dari golongan *tajṣīm*¹¹⁷ dan *tashbīh* dan *tajṣīm* adalah batil.

¹¹⁷Aliran yang memahami nas-nas al-Quran dan Hadith mengikut zahirnya.

Imam Yahya¹¹⁸ berkata: Perkara yang pertama yang mesti diketahui oleh seorang hamba ialah mengenal Allah itu Maha Esa. Dia yang menjadi tumpuan untuk memohon hajat, tidak menyerupai sesuatu. Dia tidak dapat dilihat di dunia dan di akhirat kerana penglihatan makhluk terbatas dan lemah di sekelilingnya, tetapi Allah S.W.T tidak bersifat dengan sesuatu dan tidak ada sekutu bagiNya:

لَا تَنْذِرُ كُمُّ الْأَبْصَارِ وَهُوَ يُنذِرُكُمُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَيِّرُ¹¹⁹

Terjemahan: "Ia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata , sedang Ia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata) , dan Dialah yang amat halus (melayan hamba - hambanya Dengan belas kasihan), lagi amat mendalam ilmu pengetahuanNya"

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ . اللَّهُ الصَّمَدُ لَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ¹²⁰
يَكْنِ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ

Terjemahan: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Tuhanmu ialah Allah Yang Maha Esa ; Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Ia tiada beranak, dan Ia pula tiada diperanakkan;

¹¹⁸al-Baṣrī, al-Hasan, et.al. *Rasā'iṭ al-Adl Wa al-Tauḥīd* tahqīq Muhammad Ḥammād, Dr. juz; 2 (Kaherah: Dar al-Shurūq, t.tkh) m.s 64.

¹¹⁹Surah al-Anṣār: 103.

¹²⁰Surah al-Ikhlas: 1 - 4.

dan tidak ada sesiapa pun yang setara denganNya"

Yang dimaksudkan dengan *al-kufuw* di dalam ayat tersebut iaitu serupa, serias dan sama, tetapi Allah S.W.T tidak serupa dengan sesuatu.¹²¹

وَهُوَ مَعْلُومٌ أَيْنَ مَا كُشِّمَ¹²²

Terjemahan:*"Dan Ia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada"*

وَهُنَّ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ¹²³

Terjemahan:*"Sedang pengetahuan kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya"*

¹²¹*Ibid.*, m.s 64.

¹²²Surah al-Hadid: 4.

¹²³Surah Qaf: 16.

Dan firmannya:

مَا يَكُونُنَّ بِجُنُوْنِ ثَلَاثَةِ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةِ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْتَى مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرَ إِلَّا هُوَ مَعْنَمُ أَيْنَ مَا كَانُوا¹²⁴

Terjemahan: "Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan dialah yang keempat, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan dialah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan ia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada"

وَمَا كَانَ عَالَمِينَ¹²⁵

Terjemahan: "Dan sememangnya Kami tidak sekali-kali ghaib (bahkan sentiasa mendengar, melihat dan mengetahui akan hal ehwal mereka"

Dengan penjelasan nas-nas itu, menunjukkan ilmu Allah meliputi semuanya, dan ia tidak termasuk di dalam induk sesuatu sebagaimana kebiasaanya dan ia tidak terkeluar dari sesuatu yang berlainan dariNya, dan dengan kehendaknya sesuatu itu boleh hilang dan tidak kekal tetapi Allah lebih mengetahui mengenai diriNya dan Allah Azza Wa Jalla adalah sesuatu bukan seperti sesuatu yang lain kerana sesuatu itu ada penciptanya dan pembuatnya, firman Allah Taala:

¹²⁴Surah al-Maidah: 7

¹²⁵Surah al-Araf: 7.

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلِ اللَّهُ...¹²⁶

Terjemahan: "Bertanyalah (wahai Muhammad): "Apakah sesuatu yang lebih besar persaksianya?" (bagi menjawabnya) katakanlah 'Allah'"

Allah menyebut sesuatu di dalam ayat ini untuk mengisbatkan *wujud* dan menolak *cadam* bukan sesuatu.¹²⁷

1.4.2.1 Ideologi Muktazilah Yang Terkenal

Apabila membincangkan ideologi Muktazilah timbul pelbagai persoalan mengnainya, ini kerana fahaman dan pemikiran Muktazilah bukan tertumpu kepada satu sahaja tetapi berpecah kepada beberapa *firqah* yang lain. Golongan

Muta'akhirin Muktazilah masih berpegang kepada prinsip mereka, di samping itu mereka masih mengutamakan masalah falsafah lebih daripada masalah agama.¹²⁸

١٢٦ Surah al-Anṣāt: ١٩.

127 *Ibid.* 65.

¹²⁶ Al-Nasshäuser, ^c Ali Samî, Dr. *Nash'ah al-Fîkr al-Falsafî fi al-Islâm*, (Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1954, m s 69)

Ini jelas dengan apa yang mereka pegang kepada lima prinsip iaitu : *Tauhīd*, *al-Adl*, *al-Wā'ad wa al-Wā'iḍ*, *al-Manzilah Baina al-Manzilataini* dan *al-'Amr Bi al-Ma'rūf Wa al-Nahi 'An al-Munkar*. Sebagaimana yang dikatakan oleh al-Khayyāṭ seorang Muktazilah¹²⁹:

"Seseorang Muktazilah tidak berhak mengaku dirinya Muktazilah selagi dia tidak menyempurnakan lima prinsip itu".

Pendapat Muktazilah tentang Allah "Bahawa Allah satu tidak menyerupai sesuatu, dia bukan jisim, bukan bayang-bayang, tidak berupa jasad, tidak mempunyai rupa, tidak ada daging, tidak ada darah dan tidak berupa seseorang" iaitu bahawa Allah bukan makhluk, bukan manusia yang berjisim atau haiwan, dia tidak dijadikan daripada jauhar, tidak dilengkapkan dengan sifat sampingan kerana dia tidak mempunyai warna khusus, tidak berbentuk apa-apa, tidak ada rasa, tidak ada baginya panas atau pun sejuk atau kelembapan atau kekeringan, tidak panjang atau lebar, tidak dalam, tidak tekumpul atau terpisah. Dengan kata lain bahawa Allah adalah sesuatu tidak seperti sesuatu, lebih mengetahui dan lebih berkuasa tidak seperti cerdik pandai yang mampu segala-galanya, dan dia hidup tidak seperti

¹²⁹al-Khayyāṭ, *al-Intiṣār*, (Beirut: Dar al-C̄dwa, 1985), m.s 126-127

orang-orang yang hidup...tidak ada tuhan melainkannya.¹³⁰

1.5 KESIMPULAN

Ilmu tauhid merupakan asas penting dalam agama Islam, mengenal Allah adalah salah satu daripada perbincangan dalam ilmu tauhid. Oleh itu, setiap umat Islam wajib mempelajari tentang Allah, sifat-sifatNya dan perbuatanNya supaya dapat mengukuhkan lagi keimanan mereka setelah mereka mentauhidkan Allah dan menyembahNya dengan penuh takwa dan iman dan tidak mensyirikkanNya dengan sesuatu yang sama dengan makhluk. Sebagaimana firmanNya:

لَيْسَ كُمَّلَهُ شَيْءٌ¹³¹...

Terjemahan: "...Tidak ada sesuatu yang seumpamanya"

Perbahasan ilmu tauhid banyak menumpukan mengenai zat, sifat dan perbuatan Allah, maka al-Quran dan al-Sunnah merupakan dalil-dalil *qatī* dalam perbicaraan itu. Apabila nas-nas al-Quran membicarakan soal zat Allah nescaya timbul perbalahan dan perpecahan di kalangan umat Islam terutama ahli bidaah, mereka menyimpang jauh daripada membawa manusia kepada memperkatakan

¹³⁰ al-Nasshar, *op.cit*, m.s 71.

¹³¹ Surah al-Shūrā: 11.

dengan pandangannya terhadap sesuatu yang berhubung dengan zat dan sifat-sifat Allah. Sebagaimana Raulullah s.a.w bersabda:

(لَا تَفْكِرُوا فِي أَلَاةِ اللَّهِ، وَلَا تَفْكِرُوا فِي اللَّهِ، فَإِنَّكُمْ لَنْ تَقْدِرُوا قَدْرَه) ^{١٣٢}

Terjemahan: (*Janganlah memikirkan soal nikmat Allah, dan janganlah memikirkan soal dhat Allah, nescaya kamu tidak mampu untuk mencapainya*).

Hadith *Āthār* ini mengariskan landasan yang betul dan mengemukakan panduan yang wajib diikuti oleh seseorang yang inginkan keselamatan dan pelepasan daripada neraka.

Tidak syak lagi bahawa perbahasan pada dhat dan sifat-sifat ketuhanan dari segi hubungan antara keduanya, sama ada bertujuan tauhid mahupun mencari perbezaan antara dhat dan sifat-sifat itu, merupakan satu serbuan manusia terhadap satu kedudukan yang tinggi yang tidak dapat digayuti oleh sebarang sangkaan atau khayalan seseorang.

Begitu juga perbahasan tentang sifat-sifat yang boleh menimbulkan kesamaran, sama ada menafii atau mentakwil, juga sama sifatnya sebagaimana yang

¹³² Al-Haithimi, *Majma' al-Zawa'id*, jil. 1. ms 18

disebut itu. Justeru itu amat benar bahawa sesuatu yang terlintas di benak manusia, maka Allah adalah di sebalik maksud yang terlintas itu.

Seseorang itu mestilah beriman bahawa sifat yang Allah sandarkan pada diriNya dan pada diri rasulNya adalah benar belaka dan mempunyai makna yang dikehendakinya dan mengikat wajah seperti yang difirmanNya itu. Oleh itu janganlah cuba mentafsir dan mentakwilkannya lagi.

Syar orang-orang yang terdahulu (salaf) sangat terkenal menerusi beberapa lafaz seperti "Sesungguhnya Ia (Allah) memerintahkannya sebagaimana yang didatangkan itu." Mereka sentiasa mengingati ayat suci al-Quran iaitu firman Allah Taala:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُّحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ
وَآخِرُ مُّسَاشِبَاهَاتٍ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رَبِيعٌ فَيَسِيرُونَ مَا أَشَابَهُ مِنْهُ
إِبْتِغَاءَ الْفِوْلَقِ غَيْرَهُ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّأْسِحُونَ فِي الْعِلْمِ
يَعْلَمُونَ أَمْنًا بِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَدْكُرُ إِلَّا أُولَئِكَ الظَّاهِرَاتِ
¹³³

¹³³Surah ali Imran: 7

Terjemahan "Dialah yang menurunkan ke atasmu akan al-Quran daripadanya ayat-ayat muhkamat yang menjadi ibu al-Quran dan lain-lain adalah ayat-ayat mutashâbihât. Adapun orang-orang yang ada di dalam hati-hati mereka tipu daya maka mereka akan mengikuti perkara-perkara yang kesamaran daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan gemarkan pentakwilannya dan tidak diketahui takwilnya kecuali Allah dan orang-orang yang mantap dan kemas dalam ilmu menyatakan: Kami telah beriman dengannya, kesemuanya adalah dari Sisi Tuhan kami dan tidaklah mengambil pelajaran kecuali orang-orang yang berfikir"

Adalah wajar ditarik keluar sebarang perbahasan sifat-sifat Allah daripada lautan pemikiran iaitu menarik keluar permasalahan daripada yang diistilahkan sebagai ilmu kalam. Seandainya kita semua telah berupaya melakukan ini bermakna kita telah menghapuskan satu faktor terpenting yang telah memporak-perandakan umat Islam justeru tercetusnya perbalahan tentang akidah. Dengan usaha ini kita turut berperanan dalam memperbaharui usaha yang tidak kurang pentingnya dalam perjuangan tauhid.